

# Wujudkan Sekolah Pengajian Islam di UMS

UNA 29/01/2011/31

KOTA KINABALU 28 Jan. – Kerajaan diminta mewujudkan Sekolah Pengajian Islam di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam usaha mempelbagaikan kursus pengajian di universiti itu.

Ketua Belia Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), Abdul Hakim Gulam Hassan berkata, penubuhan sekolah berkenaan amat wajar bagi memberi peluang kepada pelajar

khususnya dari negeri ini mengikuti pengajian agama di UMS.

“Sebelum ini gesaan sama pernah disuarakan oleh pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam yang turut merasakan keperluan mewujudkan sekolah pengajian Islam di negeri ini.

“Jadi USIA meminta kerajaan supaya mempertimbangkan permintaan itu kerana sudah tiba masanya

sekolah pengajian Islam diwujudkan di universiti tercantik di Asia Tenggara itu,” katanya di sini hari ini.

Menurutnya, penubuhan Sekolah pengajian Islam amat signifikan dalam membantu memperkukuh pembinaan modal insan khususnya di kalangan umat Islam di negeri ini.

Katanya, langkah tersebut juga amat tepat bagi memberi peluang

kepada pelajar di negeri ini mengikuti pengajian Islam tanpa perlu berhijrah ke luar negeri atau negara.

“Malah sekiranya cadangan itu di-realisasikan ia sudah tentu menarik lebih ramai pelajar dari luar Sabah mengikuti pengajian di UMS seterusnya membantu meningkatkan ekonomi negeri,” katanya.

Sementara itu, Abdul Hakim ber-

kata, pihak kerajaan juga diminta memperbanyakkan lagi sekolah-sekolah agama di negeri ini, selain perlu memberi perhatian serius terhadap sekolah agama sedia ada.

“Saya merayu supaya kerajaan memperbaiki keadaan sekolah-sekolah agama yang dilihat daif dan meningkatkan kemudahan dan peralatan sekolah berkenaan,” ujarnya.

## BELUM TERCEMAR

LEMBANGAN Maliau antara kawasan penuh misteri alam semula jadi yang belum terbongkar.

Lembangan berbentuk hampir bulat ini merangkumi hutan asli seluas 390km yang belum didiami mahupun diterukai manusia.

Keaslian hutan penuh misteri itu menarik ramai pengkaji dari dalam dan luar negara membongkar misteri sebalik gelaran *Lost World of Sabah*.

Manakala (Gambar kecil) panorama air terjun bernama “Takob-Akob” di Lembangan Maliau Basin yang dirakam dari udara.

Lembangan Maliau Basin merupakan kawasan paling banyak air terjun di negara ini iaitu 40 buah air terjun

kesemuanya dan yang paling terkenal adalah air terjun tujuh tingkat setinggi 28 meter terletak di Sungai Maliau.

Pada 1999 Maliau Basin mendapat

jolokan nama *Lost World of Sabah* setelah diwartakan sebagai kawasan Warisan Budaya di bawah Enakmen Negeri Warisan Budaya (Pemuliharaan). – BERNAMA

